



**KENYATAAN AKHBAR**  
**KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA**  
**SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI**  
**MALAYSIA**

(Bagi Minggu 39/2018 dari 23 September hingga 29 September 2018)

Pada minggu ke-39 iaitu bagi tempoh 23 September hingga 29 September 2018, sejumlah 1,312 kes Denggi telah dilaporkan diseluruh negara, iaitu peningkatan sebanyak 3.1% berbanding 1,272 kes pada minggu sebelumnya. Bermula dari Januari hingga 29 September 2018 sejumlah 55,184 kes Denggi dilaporkan di seluruh negara manakala jumlah kumulatif kematian Denggi adalah sebanyak 95 kematian.

Sejumlah 413 lokaliti wabak yang dilaporkan di seluruh Malaysia pada minggu ke-39. Manakala sebanyak 51 lokaliti hotspot melibatkan lima (5) buah negeri iaitu 40 hotspot di Selangor, enam (6) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur & Putrajaya, dua (2) di Pulau Pinang, dua (2) di Perak dan satu (1) di Sabah telah dilaporkan.

Terdapat dua (2) kes Chikungunya dilaporkan pada minggu ke-39. Sehubungan itu, jumlah kumulatif kes Chikungunya bermula dari Januari hingga 29 September 2018 adalah sebanyak 79 kes iaitu 30 kes di Daerah Tumpat, 29 kes di Daerah Pasir Puteh, sembilan (9) kes di Daerah Kota Bharu, dua (2) kes di Daerah Kuala Muda, manakala masing-masing satu (1) kes di daerah Sik, Meradong, Machang, Kangar, Sepang, Penampang, Baling, Kota Setar dan Petaling.

Bagi penyakit Zika, berdasarkan pemantauan yang dijalankan oleh Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK) dan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) didapati 2,365 sampel darah dan 12 sampel urin pesakit yang menunjukkan gejala jangkitan virus Zika adalah negatif.

Pencegahan penyakit demam Denggi adalah tanggungjawab semua. Langkah-langkah pencegahan denggi perlu dipertingkatkan dengan penglibatan aktif dan kerjasama semua agensi, jabatan dan masyarakat setempat. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyarankan agar komuniti di kawasan kediaman melaksanakan gotong-royong secara berkala untuk memutuskan kitaran hidup nyamuk Aedes dari terus membiak. Luangkan hanya 10 minit seminggu, pastikan semua takungan air yang tidak digunakan dipersekitaran masing-masing dimusnahkan. Bagi takungan air kekal hendaklah sentiasa ditutup atau diletakkan ubat pembunuh jentik-jentik serta diperiksa seminggu sekali. **Tiada Aedes, Tiada Denggi, Chikungunya dan Zika.**



**DATUK DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH**  
Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
⚡ Oktober 2018

**KES DENGGI DILAPORKAN PADA MINGGU 39/2018  
(23 September hingga 29 September 2018)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian di laporkan				Jumlah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 39/2018		Jumah Terkumpul Kes denggi sehingga minggu 39/2017	
		Minggu Epid 39 (23 September – 29 September 2018)		Minggu Epid 38 (16 September– 22 September 2018)					
		Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati	Kes	Mati
1	Perlis	10	0	4	0	198	0	162	0
2	Kedah	35	1	43	0	1,482	6	1,241	4
3	P. Pinang	103	0	98	0	3,762	5	1,922	13
4	Perak	39	0	34	0	2,136	5	4,838	11
5	Selangor	653	1	656	1	31,181	26	38,420	59
6	WPKL- Putrajaya	148	0	143	0	5,391	7	7,156	19
7	N. Sembilan	38	1	47	0	1,146	3	2,744	11
8	Melaka	13	0	16	0	461	0	1,166	1
9	Johor	82	0	77	0	4,201	13	6,348	23
10	Pahang	22	1	21	0	698	3	1,376	5
11	Terengganu	21	0	15	1	322	3	247	1
12	Kelantan	60	0	45	1	1,229	3	2,287	2
13	Sarawak	17	0	22	0	452	1	774	4
14	Sabah	68	3	50	1	2,433	20	1,719	6
15	WP Labuan	3	0	1	0	92	0	67	0
	<b>MALAYSIA</b>	<b>1,312</b>	<b>7</b>	<b>1,272</b>	<b>4</b>	<b>55,184</b>	<b>95</b>	<b>70,447</b>	<b>159</b>

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 39/2018  
(23 September hingga 29 September 2018)**

Bil	Negeri	Daerah/Zon/ PBT	Lokaliti	Jumlah Kes	Tempoh Wabak Berlaku (Hari)
1	SELANGOR	Petaling	Seksyen 15 (Dataran Otomobil : Blok 1 - 18)	134	190
2	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pusat Komersial A : Jln Aa 7/Aa - Ac 7/Ac, T 7/T - Z 7/Z)	47	141
3	SELANGOR	Petaling	Tmn Perindustrian Sime Uep Subang (Jln Tp)	38	93
4	SELANGOR	Klang	T.T.G.I ( Jln Sama Gagah 18 )	61	92
5	SELANGOR	Petaling	Seksyen 13 ( Pangsapuri Perdana )	121	80
6	WPKL	Cheras	Kem Sg.Besi (Jalan Labuan)	25	79
7	SELANGOR	Klang	Appartment Golden Villa	23	79
8	PERAK	LMS	Taman Bersatu	21	65
9	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Pprt A : Blok A,B,C	36	64
10	SELANGOR	Petaling	Seksyen 24 (Flat B : Blok 10 - 21)	18	63
11	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seri Cempaka Seksyen 16 Bandar Baru Bangi	21	61
12	SELANGOR	Petaling	Usj 1 (Angsana Appt)	23	59
13	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Pandan Lake View Pandan Perdana	19	59
14	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10b) Blok Ar - Av	19	58
15	SELANGOR	Petaling	Tmn Kinrara Jln Tk 3 (Vista Lavender)	14	57
16	PERAK	Kinta	Kg Tersusun Bt 6	8	56
17	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 5 Seksyen 4 Gugusan Semarak	12	55
18	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Tropika 2 Taman Tropika	24	53
19	P.PINANG	Barat Daya	Mutiara Perdana	35	51
20	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Jln 18/8- 18/28 & Flat)	15	49
21	SELANGOR	Petaling	Kota Perdana Kp 4 (Mawar Jaya)	12	49

22	SELANGOR	Petaling	BI Pju 6 Bu 2 ( Teres A : Jln 2/1 - 2/9 )	11	47
23	WPKL	Cheras	PPR Desa Tun Razak	17	47
24	SELANGOR	Petaling	Seksyen U5 (Pangsapuri Jasmin : Blok 1 - 6)	16	47
25	SELANGOR	Petaling	Kd Pju 1a Pprt Lembah Subang 2 Blok A-F)	11	47
26	SELANGOR	Petaling	Tmn Sri Serdang 2 (Flat Ikan - Blok 1-4)	23	46
27	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 5 Bandar Teknologi	9	46
28	WPKL	Cheras	Taman Shamelin (Bustan Shamelin Appt)	8	45
29	SELANGOR	Petaling	Sri Ss 6 Kelana Park View	10	44
30	SELANGOR	Petaling	Kt Seksyen 22 Flat Sri Aman	19	44
31	SELANGOR	Petaling	Bdr Kinrara 5 (Jln Bk 5/1 - 5/8)	7	44
32	SELANGOR	Petaling	Bt 14 Kg Bunga Melor	8	44
33	SABAH	Tawau	Tb03 Tg Bt Kg Pukat	18	44
34	SELANGOR	Petaling	Seksyen 16 ( Kuarters Suk )	11	41
35	SELANGOR	Petaling	Usj 15 (Subang Perdana Goodyear Court 10a) Blok Aa-Aq	12	41
36	WPKL	Putrajaya	Presint 9 Parcel 4	11	40
37	SELANGOR	Petaling	Upm Serdang (Hostel Mrt-Clq)	30	37
38	SELANGOR	Gombak	Appt Sri Kayangan Up	8	37
39	SELANGOR	Petaling	Seksyen 7 (Pangsapuri Baiduri)	8	37
40	SELANGOR	Petaling	BI Pju 8 Apt Flora Damansara 3 (Blok G , H)	8	36
41	WPKL	Cheras	Jalan Ikhlas	8	36
42	SELANGOR	Petaling	Pjs 9 (Residency Lagoon)	9	35
43	SELANGOR	Hulu Langat	Kawasan Perindustrian Bukit Angkat Sungai Chua	14	35
44	P.PINANG	Timur Laut	Lorong Nipah 1 - 15	8	35
45	SELANGOR	Klang	Sek 16 (Jimbaran Ken Rimba)	13	34
46	SELANGOR	Klang	Pandamaran Jaya, Jalan Young	6	34
47	SELANGOR	Petaling	Tmn Saujana Puchong Sp 7	5	34
48	SELANGOR	Klang	Taman Klang Jaya ( Jln Seruling 46)	8	33
49	SELANGOR	Klang	Taman Maznah (Lrg Songket 2)	6	32
50	SELANGOR	Gombak	Selayang Baru Zon 8	7	32
51	WPKL	Kepong	Taman Tasik Indah (Jalan Tasik Indah 1-7)	10	32

